

## KIT QALQALAH: MEMBANTU MURID MENGINGAT DAN MEMBEZAKAN HUKUM QALQALAH *SUGHRÁ* DAN *KUBRÁ*

MUHD IRSYAD ZAMANI BIN ABDULLAH  
irsyadzam09@gmail.com

### ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran mengingat huruf- huruf qalqalah dan membezakan hukum qalqalah *sughrá* dan *kubrá* dalam kalangan murid tahun lima. Pemilihan peserta untuk kajian ini telah dipilih melalui pemerhatian yang telah dilakukan sepanjang tempoh melaksanakan praktikum selama tiga bulan di Sekolah Kebangsaan Taman Cendana (bukan nama sebenar). Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran ini berlangsung, saya telah menggunakan Kit Qalqalah dalam membantu peserta kajian dalam mengingat huruf-huruf qalqalah dan membezakan hukum qalqalah *sughrá* dan *kubrá*. Dapatan kajian menunjukkan min peningkatan markah latihan murid adalah sebanyak 41.8%. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan Kit Qalqalah telah berjaya membantu para pelajar dalam mengingat huruf-huruf qalqalah dan membezakan hukum qalqalah *sughrá* dan *kubrá*. Dapat dirumuskan, bahawa penggunaan Kit Qalqalah dalam membantu pelajar mengingat dan membezakan hukum qalqalah sememangnya mendatangkan impak yang positif terhadap diri pelajar dan juga guru. Adalah diharapkan agar kajian tindakan yang dijalankan ini mampu membantu guru atau sesiapa saja yang berminat untuk membantu pelajar yang mempunyai masalah yang sama dihadapi. Harapan saya adalah agar Kit Qalqalah ini dapat diaplikasikan oleh para pelajar di dalam pembacaan al-Qur'an mereka nanti.

**Kata Kunci:** *Kit Qalqalah, qalqalah sughrá, qalqalah kubrá, mengingat, membezakan*

### PENGENALAN

Antara pendidikan yang perlu diterapkan dalam membantu pembangunan rohani anak-anak pada masa kini adalah melalui Pendidikan Al-Qur'an. Menerapkan pendidikan al-Qur'an kedalam diri anak-anak ibarat menanamkan Roh Islam di dalam diri mereka. Seterusnya, seseorang yang mempunyai rasa cinta yang tinggi terhadap al-Qur'an akan sentiasa berusaha untuk mengamalkan segala isi yang terdapat dalam al-Qur'an. Mahupun seseorang yang tidak mahu menjadikan al-Qur'an sebagai panduan dalam kehidupannya akan menyebabkan dirinya sentiasa berada di dalam kegelisahan dan kesulitan sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Isra'.

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ

الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿١٧﴾

Maksudnya :*Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan Yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, Bahawa mereka beroleh pahala Yang besar.*

(Surah Al-Isra' 17 : 9)

Penerapan ilmu tajwid dalam setiap pembacaan al-Qur'ān amatlah penting. Hal ini bertujuan untuk memelihara kemurnian isi al-Qur'ān di samping untuk membantu mengelakkan berlakunya perubahan maksud pada ayat al-Qur'ān. Menurut mazhab al-Shāfi'i, bahawa memelihara pembacaan al-Qur'ān iaitu membaca secara bertajwid yang mu'tabar di sisi ahli qiraat adalah suatu yang wajib, tiada keraguan lagi, sedangkan bacaan selain itu adalah berdosa dan karut (Abdullah al-Qari, 1994). Seseorang yang ingin memperelokkan bacaan al-Qur'ān mestilah berusaha untuk mempelajari dan menguasai ilmu tajwid terlebih dahulu. Sesungguhnya banyak implikasi yang akan berlaku sekiranya seseorang itu tidak menerapkan ilmu tajwid di dalam pembacaan al-Qur'ān. Antara implikasi yang akan timbul adalah individu tersebut akan merosakkan kesucian ayat al-Qur'ān yang mana ia boleh menjejaskan maksud isi kandungan al-Qur'ān tersebut. Seterusnya, ia akan menghilangkan kemurniaan dan kemukjizatan yang ada pada al-Qur'ān. Oleh itu, menjadi kewajipan setiap orang Islam untuk mempelajari dan memahami kesemua metode-metode ilmu tajwid. Menurut Al-Jazarī dalam Mohd Rahim (2001), mengamalkan tajwid itu suatu kewajipan, berdosa tidak mengelakkan bacaan, kerana quran itu turunnya dari tuhan, dan begitulah kepada kita sampainya bacaan, tajwid merupakan perhiasan bacaan. Pendapat ini telah disokong oleh Taqī ad-Dīn Ahmad ibn Taimiyyah dalam Puteh Ishak (1993), yang mengatakan adapun orang yang kelirunya itu tersembunyi (kecil) dan mungkin menggunakan qiraat yang lain, maka solatnya tidak akan terbatal tetapi sekiranya seseorang itu solat di belakang orang yang membaca as-sirath dengan as-thirath maka secara tidak langsungnya solat seseorang itu akan terbatal ini kerana *as-sirath* itu merupakan qiraat yang mutawatir.

## **FOKUS KAJIAN**

Fokus saya dalam kajian ini ialah mengingatkan huruf-huruf qalqalah dan membezakan hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā*. Sebelum langkah-langkah yang seterusnya diambil dalam menjalankan kajian ini, tinjauan terhadap masalah yang dikenalpasti akan dibuat ini bertujuan untuk membantu saya dalam memahami dengan lebih mendalam mengenai masalah yang dihadapi.

Beberapa instrumen telah dipilih untuk membantu mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid di kelas 5 Wira. Antara instrumen yang dipilih adalah pemerhatian, temu bual, analisis dokumen, dan Ujian lisan (talaqqi musyafahah). Selain itu, pemilihan peserta kajian bagi kajian tindakan ini juga diukur berdasarkan kepada instrumen berkenaan. Berdasarkan kepada maklumat yang telah diperolehi, saya telah memilih lima orang murid iaitu Amirul, Faris, Iman, Aina, dan Nurul (bukan nama sebenar). Kelima-lima pelajar ini menghadapi masalah dalam mengingat huruf-huruf qalqalah dan membezakan hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā*.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

### **Objektif Khusus**

Antara objektif yang ingin dicapai dalam melaksanakan kajian ini ialah:

1. Membantu murid mengingat huruf-huruf qalqalah dengan menggunakan "Kit Qalqalah".
2. Membantu murid membezakan hukum qalqalah *sughrā* dan *kubrā* dengan menggunakan "Kit Qalqalah".

## Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:

1. Adakah “Kit Qalqalah” dapat membantu murid mengingat huruf-huruf qalqalah?
2. Adakah “Kit Qalqalah” dapat membantu murid membezakan hukum qalqalah *sughrá* dan *kubrâ*?

## PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan lima orang murid yang terdiri daripada pelbagai jantina. Lima orang murid tersebut terdiri daripada dua orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan dari Tahun 5 Wira, SK Taman Cendana (bukan nama sebenar). Mereka merupakan murid-murid yang aktif dan periang tetapi dianggap lemah dalam mengingat dan membezakan hukum-hukum qalqalah *sughrá* dan *kubrâ* yang telah dipelajari di dalam bilik darjah.

Pada kajian ini, saya telah memilih mereka berdasarkan kepada pemerhatian dan dapatan awal yang telah diperolehi melalui ujian awal sebelum tindakan dilaksanakan. Kelima-lima murid tersebut telah gagal dalam mencapai objektif pembelajaran bagi tajuk ini. Rata-rata pelajar tersebut gagal untuk mencapai tujuh daripada sebelas jawapan yang betul semasa ujian awal sebelum tindakan dilaksanakan.

### Jadual 1.

#### *Maklumat Diri Dan Masalah Peserta Kajian*

Bil	Nama Murid	Jantina	Masalah murid
1	Amirul	L	Tidak mengingat maklumat dengan tepat, belum menguasai tajuk hukum qalqalah <i>sughrá</i> dan <i>kubrâ</i> dengan tepat
2	Faris	L	Masih keliru dengan konsep hukum qalqalah <i>kubrâ</i> dan <i>sughrá</i> , tidak mengingat maklumat dengan tepat.
3	Iman	L	Tidak mengingat maklumat dengan tepat, masih keliru dengan konsep qalqalah <i>kubrâ</i> dan <i>sughrá</i> .
4	Aina	P	Tidak mengingat maklumat berkenaan dengan hukum qalqalah <i>sughrá</i> dan <i>kubrâ</i> dengan tepat
5	Nurul	P	Masih keliru dengan konsep qalqalah <i>kubrâ</i> dan <i>sughrá</i> , tidak mengingat huruf-huruf qalqalah dengan tepat.


## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Semasa menjalankan kajian tindakan ini saya telah memilih Model Kajian Pengkajian Kurt Lewin dalam membantu membentuk sebuah kajian tindakan yang berkualiti. Model Kurt Lewin telah menetapkan satu putaran yang memiliki peringkat pelaksanaan yang berbeza. Menurut Lewin (1946), suatu kitaran kajian tindakan mempunyai empat langkah iaitu merancang (planning), memerhati (observing) dan mereflek (reflecting).

### Merancang

Bagi memastikan tugas yang bakal dijalankan nanti berjalan dengan baik dan bersistematik maka perkara utama yang telah saya lakukan adalah melakukan pemerhatian awal berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh murid. Pemerhatian awal disini bermaksud saya telah mengajar tajuk kajian iaitu hukum qalqalah tanpa menggunakan bahan bantu mengajar (BBM). Tujuan saya melakukan perkara sedemikian adalah untuk menguji tahap kefahaman murid-murid mengenai tajuk yang telah dipelajari. Perkara seterusnya adalah saya akan mengajar semula tajuk hukum qalqalah dengan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM). Tujuan


saya melakukan perkara sedemikian adalah untuk melihat perbezaan dan tahap kefahaman murid sebelum dan selepas menggunakan Kit Qalqalah.



**Rajah 1.** Keputusan Ujian Awal Peserta Kajian.

### Bertindak

Saya telah memperkenalkan kad warna yang mengandungi lima huruf qalqalah kepada murid. Seterusnya, saya telah menerangkan lima huruf qalqalah secara satu persatu kepada murid-murid. Selepas murid mengetahui lima huruf qalqalah maka saya akan memperkenalkan bahan bantu mengajar (BBM) iaitu Kit Qalqalah yang terdiri daripada papan ketuk, kayu ketuk, jadual qalqalah. Tujuan saya memperkenalkan Kit Qalqalah adalah untuk membantu murid-murid mengingat dan membezakan di antara hukum qalqalah *sughrà* dan *qubrà*.



**Rajah 2.** Kit Qalqalah

Penggunaan Kit Qalqalah ini sebenarnya dapat membantu para pelajar dalam mengingat dan membezakan diantara hukum qalqalah *sughrà* dan *kubrà*. Rasionalnya penggunaan ketukan Kit Qalqalah ini sebenarnya dapat membantu memudahkan para pelajar untuk menguasai hukum qalqalah *sughrà* dan *kubrà* dalam masa yang singkat.



**Rajah 3. Langkah Penyediaan Kit Qalqalah.**

### **Bahan Yang Bersesuaian**

Saya telah membina lima keping kad yang mengandungi huruf qalqalah. Seterusnya, saya akan membina satu alat yang dinamakan sebagai alat ketuk yang terdiri daripada papan ketuk dan kayu ketuk. Papan ketuk yang dibina akan dibahagikan kepada dua bahagian setiap bahagian kayu tersebut akan diterapkan dengan dua jenis warna iaitu warna kuning dan merah.

### **Pengetahuan Sedia Ada Murid**

Pada permulaan sesi PdPc saya telah menguji pengetahuan sedia ada peserta kajian dengan bertanyakan soalan berkaitan dengan tajuk yang dipelajari. Tujuan utama saya mengajukan pelbagai soalan kepada murid adalah untuk menarik minat murid untuk terus mendengar dan terlibat secara langsung semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Peringkat Hafalan**

Seterusnya, saya telah memperkenalkan lima keping kad yang mengandungi huruf qalqalah kepada peserta kajian tujuannya adalah untuk membantu peserta kajian dalam mengenali huruf qalqalah. Peringkat seterusnya saya telah menyuruh pelajar untuk menghafal kelima-lima huruf qalqalah dengan menggunakan kaedah mneomik.

### **Huruf Qalqalah Berwarna**

Saya telah mewarnakan huruf qalqalah selaras dengan warna yang terdapat di dalam mashaf al-Qur'an bertajwid. Tujuan saya mewarnakan setiap huruf qalqalah dengan warna biru adalah agar ia selaras dengan warna hukum qalqalah yang terdapat di dalam mashaf al-Qur'an bertajwid. Menurut Faraha Latifah dalam Hajjah Hasan (2008), mengatakan warna memainkan peranan yang penting dalam kehidupan terutamanya kepada kanak-kanak. Selain itu, kanak-kanak merupakan individu yang menggunakan warna dalam mengenali sesuatu objek sebagai contoh kanak-kanak mengecam buah epal dengan warna merah dan jentolak dengan warna kuning.

### **Memerhati**

Sepanjang kajian ini berlangsung saya telah memerhati dan menilai dari semasa ke semasa proses perkembangan kognitif peserta kajian. Melalui pemerhatian, saya telah dapat mengkategorikan setiap masalah peserta kajian mengikut kepada tema.

**Jadual 2.**

**Data Yang Digunapakai Semasa Perlaksanaan Kit Qalqalah.**

Bil	Kategori	Tema
1.	Banyak meneka jawapan	Tidak mengingati
2.	Kelihatan keliru	
3.	Tekaan daripada ingatan mereka yang kurang tepat	Mengingati
4.	Menjawab dengan mengingati fakta	

**Refleksi**

Pada penghujung kajian ini saya telah melakukan sesi refleksi berkenaan dengan bahan bantu mengajar yang telah diguna pakai semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Tujuan utama saya melakukan perkara sedemikian adalah untuk membantu melakukan penambahbaikan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, setiap guru perlulah sentiasa berusaha meningkatkan perkembangan diri dan profesionalisme kepengkajian dengan cara meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran di dalam diri selari dengan perubahan yang melanda masyarakat dunia dan sistem pendidikan pada masa kini (Wan Mohd Zahid, 1995).

**DAPATAN KAJIAN**

**Persoalan Kajian 1:** Adakah “Kit Qalqalah” dapat membantu murid mengingati huruf qalqalah.

**Persoalan kajian 2:** Adakah “Kit Qalqalah” dapat membantu murid membezakan hukum qalqalah sughrá dan kubrá.

**Dapatan Data Temu Bual**


Berdasarkan hasil dapatan daripada temu bual kelima-lima peserta kajian telah menyatakan bahawa mereka amat bersetuju dengan penggunaan Kit Qalqalah dapat membantu mereka dalam mengingati dan membezakan hukum qalqalah sughrá dan kubrá. Dalam temu bual bersama dengan Amirul dan Faris telah menyatakan bahawa Kit Qalqalah ini telah membantu mereka dalam memahami tajuk hukum qalqalah yang telah dipelajari sebelum ini. Manakala hasil temu bual bersama Iman, Nurul dan Aina pula menyatakan bahawa penggunaan Kit Hukum Qalqalah ini telah banyak membantu mereka dalam mengingati dan memahami tajuk hukum qalqalah yang telah mereka pelajari sebelum ini.

Saya	Adakah cara ustaz mengajar tajuk hukum qalqalah dengan menggunakan Kit Hukum Qalqalah ini dapat membantu anda mengingati dan memahami tajuk yang telah dipelajari?
Amirul	Ya, ustaz... mudah untuk faham sekiranya menggunakan Kit ini untuk mempelajari hukum qalqalah.
Saya	Adakah cara ustaz mengajar tajuk hukum qalqalah dengan menggunakan Kit Hukum Qalqalah ini dapat membantu anda mengingati dan memahami tajuk yang telah dipelajari?
Faris	Owhh... ya ustaz mudah untuk saya memahami tajuk hukum qalqalah dengan menggunakan Kit ini.
Saya	Adakah cara ustaz mengajar tajuk hukum qalqalah dengan menggunakan Kit Hukum Qalqalah ini dapat membantu anda mengingati dan memahami tajuk yang telah dipelajari?
Iman	Ya, Ustaz mudah untuk saya mengingati lima huruf qalqalah itu dengan menggunakan Kit ini.
Saya	Adakah cara ustaz mengajar tajuk hukum qalqalah dengan menggunakan Kit Hukum Qalqalah ini dapat membantu anda mengingati dan memahami tajuk yang telah dipelajari?
Nurul	Ustaz kaedah ini dapat membantu saya mengingati dan memahami tajuk hukum qalqalah dengan baik.
Saya	Adakah cara ustaz mengajar tajuk hukum qalqalah dengan menggunakan Kit Hukum Qalqalah ini dapat membantu anda mengingati dan memahami tajuk yang telah dipelajari?
Aina	Kaedah ini dapat membantu saya dalam memahami hukum qalqalah sughra dan kubra dengan baik.

**Rajah 4. Catatan Temu Bual Bersama Peserta Kajian**

## Dapatan Data Melalui Ujian Awal Dan Akhir

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), telah menyatakan bahawa transformasi pendidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah bermatlamat untuk melengkapkan setiap pelajar di negara ini dengan pelbagai kemahiran baru yang diperlukan oleh mereka bagi merebut segala peluang bagi menangani cabaran menjelang abad ke-21. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada dapatan ujian awal dan akhir, apa yang dapat dirumuskan adalah penggunaan Kit Qalqalah ini sememangnya dapat membantu meningkatkan daya ingatan dan kefahaman peserta kajian berkenaan dengan tajuk yang dipelajari iaitu hukum qalqalah. Selain itu, penggunaan Kit Qalqalah ini juga dapat membantu guru dalam usaha menarik minat para pelajar untuk meminati tajuk yang matapelajaran yang dipelajari. Kesimpulannya, penggunaan Kit Qalqalah di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran jelas membantu peserta kajian dalam meningkatkan tahap daya ingatan dan tahap kefahaman peserta kajian mengenai tajuk hukum qalqalah.



Rajah 5. Keputusan Ujian Awal Dan Akhir Amir

Jadual 3.

### Analisis Markah Ujian Awal Dan Akhir Peserta Kajian

Peserta	UJIAN AWAL (%)	UJIAN AKHIR (%)	JUMLAH PENINGKATAN (%)
Faris	45	100	55
Amirul	64	90	26
Aina	63	100	37
Iman	64	100	36
Nurul	45	100	55

### Dapatan melalui nota lapangan

Berdasarkan dapatan daripada nota lapangan, jelas menunjukkan bahawa kelima-lima peserta kajian telah berjaya membuktikan bahawa mereka telah berjaya untuk mengingati dan memahami tajuk hukum qalqalah dengan baik. Selain itu, mereka juga telah mampu untuk menjawab semua soalan yang diedarkan dengan cemerlang yang mana kesemuanya memperoleh markah penuh untuk latihan yang telah diedarkan oleh guru. Selain daripada itu, kelima-lima peserta kajian itu telah berjaya mengaplikasikan kaedah tersebut di dalam pembacaan al-Qur'ān.

Masa	Catatan Peristiwa
11.00 – 11.25 pagi	<p>Murid tahu menggunakan Kit Qalqalah. Pengkaji melakukan sesi soal jawab bersama dengan kelima-lima murid. Faris, Amirul, Iman, Nurul dan Aina cuba untuk menjawab soalan yang telah diajukan oleh pengkaji. <u>Kelima-lima peserta kajian telah menjawab setiap soalan yang diajukan oleh pengkaji dengan penuh yakin.</u> Setelah melakukan sesi soal jawab pengkaji telah mengedarkan Ujian Akhir kepada peserta kajian. Bentuk soalan Ujian Akhir adalah sama seperti Ujian Awal. Tujuan pengkaji mengedarkan Ujian Akhir adalah untuk menguji semula tahap daya ingatan dan kefahaman para pelajar terhadap tajuk yang dipelajari. <u>Setelah melakukan semakan terhadap tugas kelima-lima murid pengkaji mendapati kesemua mereka mampu menjawab semua soalan dengan betul.</u> Buktinya Amirul, Faris, Iman, Aina dan Nurul mampu mendapat markah penuh untuk <u>soalan berkaitan dengan bilangan huruf qalqalah dan hukum qalqalah sughrá dan kubrá iaitu 17/17.</u> Seterusnya, pengkaji meminta kepada kelima-lima murid untuk mengaplikasikan apa yang dipelajari ke dalam pembacaan al-Qur'án. Berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat pengkaji mendapati bahawa <u>kelima-lima murid tersebut telah berjaya mengaplikasikan hukum qalqalah tersebut di dalam pembacaan al-Qur'án.</u></p>

**Rajah 8. Catatan Nota Lapangan Bersama Kelima-Lima Peserta Kajian**

## REFLEKSI

Selepas melaksanakan kajian tindakan ini, saya berasa amat bertuah kerana pelbagai ilmu baru dan pengalaman yang berguna yang sebelum, semasa dan selepas melaksanakan pengkajian ini. Antara ilmu baru yang saya perolehi sepanjang pengkajian ini berlangsung adalah berkaitan dari segi kaedah kualiti pengajaran dan pembelajaran. Sebelum saya, memperkenalkan kajian tindakan penggunaan Kit Qalqalah dalam membantu pelajar dalam mengingat dan membezakan hukum qalqalah, saya telah menggunakan kaedah tunjuk cara dan hafalan sahaja. Justeru, sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran itu sedang berlangsung apa yang dapat dirumuskan adalah murid-murid tahun 5 Wira tidak dapat mengingat dan memahami isi pelajaran yang disampaikan dengan baik.

Oleh itu, saya telah mengambil inisiatif baru dalam mengajar tajuk yang telah diajari. Gagne (1916), menekankan bahawa sistem pembelajaran haruslah bermula daripada perkara yang mudah kepada perkara yang sukar. Oleh itu, sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran maka saya telah mengambil kira tahap keupayaan kognitif para pelajar sebelum menyampaikan sesuatu ilmu Akhirnya, saya telah menggunakan kaedah Kit Qalqalah terhadap peserta kajian dalam membantu mereka mengingat hukum qalqalah dan membezakan hukum qalqalah sughrá dan kubrá. Selepas melaksanakan penggunaan Kit Qalqalah kepada peserta kajian maka jelas menunjukkan berlakunya peningkatan yang memberangsangkan berkenaan dengan tajuk yang dipelajari buktinya murid-murid berjaya menjawab semua soalan ujian akhir dengan cemerlang dan ini membuktikan bahawa kajian tindakan yang telah dilaksanakan ini telah mendatangkan keberkesanan terhadap sesi PdP guru. Seterusnya, sepanjang saya, melaksanakan kajian tindakan ini, tidak dapat dinafikan bahawa banyak kemahiran baru yang telah diperolehi sepanjang kajian ini berlangsung antaranya ialah membantu meningkatkan kemahiran komunikasi apabila berhadapan dengan para pelajar dan guru-guru di sekolah. Menurut Cow (2005), untuk memperolehi kerjasama daripada murid-murid terutamanya ketika mengajar di dalam kelas, usaha yang lebih perlu dipertingkatkan untuk memahami kekuatan dan kelemahan murid.

Kesimpulannya, apa yang dapat dinyatakan disini adalah kajian tindakan penggunaan Kit Qalqalah ini telah berjaya membantu peserta kajian dalam



mengingati dan membezakan hukum qalqalah sughrá dan kubrá. Seterusnya, saya berasa amat bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya maka saya telah berjaya menghasilkan satu perubahan yang besar terhadap proses PdPc. Hal ini amat bersesuaian dengan hadīth Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Perumpamaan orang yang menuntut ilmu lalu ia tidak menyampaikannya adalah seperti orang yang mengumpul hartanya namun ia tidak mahu menginfakkan sebahagian darinya”.*

*(HR At-Thabarani & Ibnu Abdil Barr)*

## **CADANGAN TINDAKAN SUSULAN**

Antara cadangan tindakan susulan untuk kajian lanjutan ini ialah Kit Qalqalah ini dapat diinovasikan di dalam bentuk teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) iaitu melalui penggunaan perisian “OpenShot”, “Photoscape”, dan CyberLink Power Director”. Penggunaan TMK ini sbenarnya lebih mudah diguna pakai oleh guru dan ia sebenarnya mampu untuk menjadi penyumbang utama dalam menarik minat murid untuk mempelajari tajuk yang terutamanya mempunyai banyak fakta yang perlu diingati. Seterusnya, antara cadangan yang berkesan dalam membantu mengingat huruf qalqalah dan membezakan huruf qalqalah adalah dengan mewujudkan kelas pengajian al-quran kepada pelajar yang bermasalah. Melalui kelas pengajian ini maka guru akan mudah untuk membantu mengajar dan melatih pelajar yang lemah dalam memahami dan membezakan hukum qalqalah yang telah dipelajari. Selain itu, guru juga boleh menggunakan kaedah tkrar yang mana murid akan mengikut bacaan guru secara satu persatu kemudian murid akan membaca secara kumpulan kecil dan kumpulan lain akan mendengar sekiranya berlakunya kesilapan dalam bacaan maka guru dan pelajar yang mendengar akan terus memperbetulkan kesilapan yang telah dilakukan. Melallui kaedah ini sebenarnya ia mampu membantu para pelajar yang lemah dalam memperbetulkan cara bacaan, cara mengenali dan cara memahami ilmu yang tajwid yang sebenar-benarnya.

## **RUJUKAN**

Al-Qur’ān Karrim.

Al-hadis Al-Nabawiyah.

Abdullah Al-Qari bin Haji Solleh. (1994). *14 Amalan Manusia Tak Dapat Bau Syurga*. Kuala Lumpur: Dinie Sdn. Bhd.

Chow Fook Meng. (2004). *Kajian Tindakan: Konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Gagne, R. M. (1985). *The conditions of learning and theory of instruction*. New York: Holt, Rinehart & Winston.

Hajjah Hasan. (2008). *Kaedah mesra warna dalam kalangan pelajar tingkatan lima*. Kajian Tindakan Sempena Hari Profesionalisme SMK Majakir Papar, 6-10.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Buku manual kajian tindakan edisi ketiga*, Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Mohd Rahim Bin Jusoh. (2001). *Pengenalan Ilmu Qira'at*. Selangor: Otopack & Print Sdn. Bhd.

Nik Jaafar Nik Ismail. (1995). *Panduan Tartil Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.

Puteh Ishak. (1993). *Ibn Taimiyyah Sejarah Hidup dan Tasawuf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Richard I. Arends. (2004). *Learning to Teach*. New York: Library of Congress Cataloging-in-Publication Data.